

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 30/12/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 12
Tajuk : ANGKASA harap sokongan ketua jabatan

Sinar Harian (Mys 36) 30/12/2018

Angkasa harap sokongan ketua jabatan

MARAN - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) berharap ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan menyokong gerakan koperasi di agensi masing-masing.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya menerima rungutan ada ketua jabatan atau pegawai tidak mesra koperasi dan menganggap ia satu kumpulan pendesak.

Menurutnya, ada yang sanggup memberikan tender kepada pihak luar berbanding koperasi di jabatan mereka.

"Kita ada terima laporan jabatan iaitu tender kantin rela diberikan kepada orang luar bukan kepada koperasi mereka.

"Sedangkan koperasi ini dianggotai kakitangan mereka dan menjadi satu entiti yang digalakkan oleh kerajaan.

"Jadi kita ingin menyeru ketua-ketua jabatan yang mana koperasi diwujudkan iaitu ketua pengarah, ketua setiausaha ke-

menterian atau setiausaha kerajaan negeri akan membantu menggalakkan kegiatan ekonomi dan perniagaan gerakan koperasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Kali Ke-3 Koperasi Kakitangan Majlis Daerah Maran Berhad (Kota Mas), kelmarin.

Hadir sama, Setiausaha Majlis Daerah Maran, Wan Norizan Wan Badrulzaman dan Pengerusi Koperasi terbabit, Mazlan Abdul Rahman.

Dalam pada itu, beliau menghargai kepimpinan Majlis Daerah Maran yang memberikan sokongan dan kerjasama baik terhadap gerakan koperasi Kota Mas dan dapat dicontohi oleh jabatan atau agensi lain di negara ini.

Koperasi terbabit ditubuhkan pada 2017 dan kini mempunyai 49 ahli dengan sumber membabitkan sewaan kedai, buggy golf dan pusat boling di Jengka.



Abdul Fattah bersama Wan Norizan dan Mazlan bergambar bersama ahli Koperasi Kakitangan Majlis Daerah Maran Berhad selepas mesyuarat, kelmarin.

Perustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA